



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 05 / 2023

STATUS KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) PULAU PINANG

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman daripada **YB Dato' Law Choo Kiang, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang** melalui surat bertarikh **6 Mac 2023**, berhubung dengan status kekosongan luar jangka **empat (4) kerusi DUN Pulau Pinang** selepas usul pengisytiharan kekosongan di bawah **perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang**. Senarai kerusi dan ahli DUN yang terlibat adalah seperti berikut:
 - a) Seberang Jaya (N10) - YB Dr. Afif bin Bahardin
 - b) Sungai Aceh (N21) - YB Zulkifli bin Ibrahim
 - c) Bertam (N2) - YB Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq
 - d) Telok Bahang (N40) - YB Zolkifly bin Md. Lazim

2. Berdasarkan pemakluman tersebut dan mengambil kira *proviso* di bawah **Fasal (5) Perkara 19 Perlembagaan Negeri Pulau**

Pinang, tiada keperluan untuk SPR mengadakan pilihan raya bagi mengisi kekosongan luar jangka memandangkan DUN Pulau Pinang akan terubur dalam tempoh kurang dari dua (2) tahun.

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

7 Mac 2023 / 14 Syaaban 1444H